



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

SIDANG MEDIA MENGENAI BEKALAN MAKANAN BERASASKAN KELUARAN INDUSTRI PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN DAN INDUSTRI PERIKANAN

1. Berikutan dengan penularan jangkitan COVID-19 sehingga menyebabkan sebilangan orang ramai di Negara ini melakukan pembelian panik terhadap barang-barang keperluan termasuk komoditi pertanian dan perikanan, hasil tinjauan terkini dan berpandukan kepada maklumat-maklumat dari pengusaha-pengusaha serta pemantauan secara berterusan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan ini ingin memaklumkan orang ramai bahawa:
 - 1.1. Bagi bekalan komoditi **ayam pedaging** dan **telur ayam**, pengeluaran untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan sehingga akhir tahun ini, Insya Allah adalah mencukupi, termasuklah keperluan pada bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang. Di samping itu, sebilangan pengusaha turut memberikan jaminan bahawa mereka mampu untuk menambah keluaran jika diperlukan bagi menjamin sekuriti bekalan di Negara ini.
 - 1.2. Bagi bekalan komoditi **sayur-sayuran**, iaitu sayur daun dan juga sayur buah, bekalan daripada peladang-peladang tempatan bagi membekalkan sebahagian keperluan pasaran tempatan termasuk kemasukan bekalan melalui import masih berjalan seperti biasa bagi mencukupkan keperluan permintaan pasaran di Negara ini.
 - 1.3. Bagi bekalan komoditi **daging kerbau dan lembu**, bekalan daripada pengusaha-pengusaha ternakan kerbau dan lembu tempatan dan juga bekalan import ternakan hidup pada masa ini masih berjalan seperti biasa untuk membekalkan keperluan pasaran tempatan, termasuklah keperluan pada bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang. Dengan bermulanya aktiviti membesarkan penternakan lembu pada pertengahan tahun ini oleh sebuah syarikat tempatan, Insya Allah kapasiti keluaran daging lembu di Negara ini akan dapat ditingkatkan.

- 1.4. Bagi bekalan komoditi **ikan dan udang**, aktiviti penangkapan oleh nelayan-nelayan tempatan dan aktiviti akuakultur pada masa ini juga masih berjalan seperti biasa bagi membekalkan sebahagian keperluan pasaran tempatan.
2. Di samping itu, pasaraya-pasaraya utama di Negara ini juga memberikan jaminan bahawa bekalan komoditi-komoditi pertanian dan perikanan adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan pasaran semasa, samada sumber yang dibekalkan dari dalam Negara ataupun melalui import.
3. Di kesempatan ini juga, saya ingin menasihatkan orang ramai bahawa tiada keperluan untuk melakukan pembelian panik secara tidak rasional dan membeli dalam kuantiti yang banyak bagi barangan keperluan rumah seperti makanan. Di samping itu, saya juga menyeru kepada peniaga-peniaga agar tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan pertanian, perikanan dan makanan sesuka hati berikutan keadaan yang kita hadapi sekarang.
4. Sebagai rumusan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sekali lagi memaklumkan bahawa bekalan bagi **ayam pedaging, telur ayam, daging kerbau dan lembu, ikan dan udang, dan sayur-sayuran** dari pengusaha-pengusaha tempatan termasuk yang didatangkan dari luar negara atau pun import, dan pasaraya-pasaraya utama, Insya Allah adalah mencukupi.
5. Di samping itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama agensi-agensi yang berkepentingan akan sentiasa memantau perkembangan terkini, dan sebarang perubahan yang boleh menjejaskan kemasukan barangan import komoditi pertanian dan perikanan ke Negara ini akan ditangani secara bersama melalui "*whole of nation approach*" untuk memastikan bekalan makanan adalah terjamin.

/TAMAT.

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 17hb Mac 2020